

Tajuk: Pengurusan Sisa Pepejal
LATIHAN PENGUKUHAN

ARAHAN: Lengkapkan dialog di bawah dengan ayat tanya tanpa kata tanya yang sesuai.

- Bolehkah kamu terangkan kedua-dua pengasingan sisa pepejal ini?
- Cara-cara pengurusan sisa pepejal ini memberikan manfaat kepada kita?
- Kamu membaca risalah cara pengurusan sisa pepejalkah?
- Benarkah terdapat dua cara pengurusan sisa pepejal?

Badri : Amboi, begitu khusyuk kamu risalah! (1) _____

Lee Keat : Ya, Badri. Risalah ini tentang cara pengurusan
sisa pepejal.

Badri : (2) _____

Lee Keat : Benar, Badri. Caranya ialah pengasingan sisa pepejal di punca dan
pengasingan sisa pepejal di tong kitar semula.

Badri : Oh begitu cara pengasingan sisa pepejal! (3) _____

Lee Keat : Boleh, Badri. Pengasingan sisa pepejal di punca ialah sisa pepejal yang
dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam plastik lalu diletakkan di tepi tong
sampah semasa kutipan. Cara yang kedua ialah sisa pepejal yang boleh
dikitar semula akan dimasukkan ke dalam plastik lalu dihantar ke lokasi
yang terdapat tong kitar semula.

Badri : (4) _____

Lee Keat : Pasti memberikan manfaat kepada kita. Kita dapat memudahkan pihak
berkuasa dalam pengurusan sisa pepejal. Selain itu, kita juga dapat
mengurangkan jumlah pembuangan sisa pepejal dengan cara baik.



Disediakan oleh:
Cikgu Athirah

